# MANUAL PENGGUNAAN SISTEM PEPERIKSAAN ONLINE

MAJLIS UGAMA ISLAM DAN ADAT RESAM MELAYU PAHANG

## Isi Kandungan

1.0 Pengenalan ……………………………………………………………………………… 3

2.0 Log masuk untuk menjawab peperiksaan……………………………………………….. 4

3.0 Halaman peperiksaan……………………………………………………………………. 6

## 1.0 Pengenalan

Manual Pengguna ini disediakan untuk memberi panduan kepada pengguna untuk menggunakan Sistem Peperiksaan Online. Sistem ini boleh dicapai melalui alamat https://spo.muip.gov.my/v2 bagi calon yang bakal menduduki peperiksaan MUIP secara atas talian. Terdapat fungsi utama sistem ini iaitu:

I. Calon

- Melihat maklumat peperiksaan
- Menjawab peperiksaan secara atas talian
- Melihat analisis keputusan peperiksaan

## 1.0 Log masuk untuk menjawab peperiksaan

1.1 Pada laman web https://spo.muip.gov.my/v2 calon perlu log masuk menggunakan nombor kad pengenalan dan kata laluan yang telah diberikan kepada mereka melalui SMS bertalian 15888. Calon perlu klik pada pautan “klik sini” seperti rajah di bawah untuk dibawa ke laman Sistem Peperiksaan Online (SPO). Di laman tersebut, calon hanya perlu memasukkan kata laluan sahaja sebelum menekan butang Log Masuk. Jika padanan nombor kad pengenalan, kata laluan dan kod ujian yang dimasukkan oleh calon Berjaya, calon akan dibawa ke halaman SPO. Jika tidak, sebaliknya calon akan diminta untuk memasukkan semula nombor kad pengenalan, kata laluan dan/atau kod ujian yang betul.



2.2 Calon hanya perlu mengisi kata laluan sahaja di halaman ini. Sekiranya padanan nombor kad pengenalan, kata laluan dan kod ujian adalah bertepatan, calon akan dibawa ke halaman seterusnya. Jika tidak, calon akan diminta untuk mengisi semula nombor kad pengenalan, kata laluan dan kod ujian.



## 3.0 Halaman peperiksaan

3.1 Halaman ini akan memaparkan tentang maklumat peperiksaan yang akan dijawab oleh calon dan memaparkan arahan kepada calon sebelum memulakan peperiksaan.



3.2 Untuk memulakan peperiksaan calon perlu klik pada butang ‘Mula Menjawab’. Sebaik sahaja calon menekan butang tersebut masa menjawab calon akan mula dikira. Calon perlu menjawab soalan yang diberikan mengikut masa yang telah ditetapkan. Sekiranya masa menjawab telah tamat sistem akan menutup soalan tersebut secara automatik.



3.3 Apabila calon menekan butang 'Mula Menjawab' calon akan dibawa ke halaman soalan peperiksaan. Masa mula menjawab akan mula dikira sebaik sahaja calon berada di halaman ini.



3.4 Butang ‘Teruskan Menjawab’ akan muncul sekiranya masa menjawab calon masih ada masa dan calon belum menamatkan sesi peperiksaan tersebut. Calon boleh meneruskan sesi menjawab peperiksaan dengan klik pada butang tersebut.



3.5 Calon boleh menamatkan sesi peperiksaan tersebut lebih awal dengan menekan butang ‘Tamatkan Sesi’. Setelah menekan butang tersebut calon perlu menaip ‘ya’ dan klik ‘OK’ sebagai pengesahan calon bersetuju untuk menamatkan sesi. Calon tidak boleh kembali untuk melihat halaman soalan sekiranya masa menjawab telah tamat atau sesi peperiksaan itu ditamatkan oleh calon sendiri.



3.6 Setelah masa menjawab tamat atau calon telah menamatkan sesi peperiksaan tersebut calon akan dibawa ke halaman analisis keputusan. Untuk kembali ke halaman utama calon perlu menekan menu 'Utama' dan menekan 'Log Keluar' sekiranya memilih untuk keluar daripada sistem.



3.7 Calon akan dibawa ke halaman ini sekiranya klik pada menu 'Utama'. Terdapat butang 'Ulasan' sekiranya calon ingin melihat semula analisis keputusan peperiksaannya.

